

26 OCT 1999

Mahkamah-Anwar (Megat Junid)

MEGAT JUNID MENGAKU ZIELA JALIL TERLIBAT DALAM KONSPIRASI, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa di Mahkamah Tinggi di sini bahawa Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob pernah mengaku yang isterinya, Ziela Jalil terlibat dalam konspirasi untuk menjatuhkan bekas timbalan perdana menteri itu.

Anwar hari ini berkata Megat Junid telah membuat pengakuan itu semasa mereka mengadakan perbincangan mengenai konspirasi.

"Datuk Seri Megat menegaskan bahawa beliau langsung tidak terlibat dengan konspirasi dan kata isterinya Ziela yang terlibat," kata Anwar pada hari ketiga membela diri.

Anwar berkata demikian ketika disoal oleh peguam bela utamanya Christopher Fernando pada hari ke-65 perbicaraan kes dia dituduh meliwat Azizan Abu Bakar.

Anwar, 52, dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 38, sedang dibicarakan bersama terhadap tuduhan meliwat Azizan, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini, pada satu malam, pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, juga dituduh bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, bekas pemandu peribadi isteri Anwar di tempat dan pada masa yang sama.

Anwar berkata Megat Junid memberitahu beliau bahawa Ziela memang terlibat dan akibatnya mereka telah bergaduh mengenai perkara itu dan menteri itu juga ada memberikan nombor telefon isteri keduanya itu untuk membolehkan beliau mengesahkan perkara itu.

"Tetapi menurut Datuk Seri Megat Junid, perosak sebenarnya ialah Ummi Hafilda (Ali) dan ini beliau sahkan dalam surat kepada saya," katanya yang sebelum itu memberitahu mahkamah bahawa Megat Junid telah menghantar surat kepadanya berhubung perkara itu yang bertarikh 10 Sept 1997.

Bagaimanapun, mahkamah tidak menerima surat yang dikemukakan oleh Anwar itu kerana ia bukanlah salinan asal.

Menurut Anwar, surat asal berada di dalam sebuah daripada enam kotak dokumen yang berada di dalam simpanannya.

Sebelum itu, Anwar memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak mempunyai masalah dengan Megat Junid dan sambil tersenyum beliau berkata, beliau percaya menteri berkenaan yang ada masalah dengannya berdasarkan laporannya kepada Perdana Menteri.

Katanya ketika itu, Megat Junid adalah Timbalan Menteri Dalam Negeri yang juga merupakan tempat mengadu yang rapat kepada Perdana Menteri.

Ummi Hafilda adalah penulis surat "Perihal Salahlaku Timbalan Perdana Menteri" yang dihantar kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengandungi dakwaan salahlaku seksual Anwar bersama-sama pengakuan bersumpah Azizan bahawa dia diliwat oleh bekas menteri kewangan itu.

Anwar dipecat dari kabinet pada 2 Sept 1998 atas sebab-sebab moral.

Katanya beliau pernah berbincang dengan Megat Junid berhubung tuduhan rasuah terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Luar Negeri (MITI) Datuk Seri Rafidah Aziz kerana ia melibatkan pembahagian saham kepada anak Megat Junid.

Beliau berkata Megat Junid tidak berpuashati dengan apa-apa tindakan yang akan diambilnya berhubung perkara itu.

Ketika ditanya apakah tindakan Megat Junid berkaitan perkara itu, Anwar berkata menteri itu telah mengambil tindakan berbahaya yang boleh mencemar

sistem perundangan dan kewibawaan Jabatan Peguam Negara.

Katanya tindakan itu dinyatakan dalam sepucuk surat kepada Dr Mahathir yang salinannya diberikan kepadanya.

"Saya terkejut apabila mendapat satu surat daripada Datuk Seri Megat Junid kepada Perdana Menteri yang salinannya kepada saya, yang menceritakan pakatan yang sedang dilakukan oleh peguam beliau dengan Peguam Negara yang turut melibatkan badan kehakiman," kata Anwar.

Arifin bagaimanapun tidak membenarkan surat berkenaan yang bertarikh 21 Sept 1994, dikemukakan kepada mahkamah sebagai barang kes atas alasan ia tidak relevan dalam kes itu walaupun Fernando memberi alasan bahawa ia penting untuk membuktikan konspirasi.

Sebelum itu ketika membantah surat berkenaan diterima sebagai barang kes, Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah berkata ia tiada kaitan dalam kes itu dan walaupun ia bertajuk "Datuk Seri Rafidah Aziz", kes yang dimaksudkan ialah kes seorang pegawai kanan MITI, Rejab Lebai Man.

Beliau berkata fakta bahawa menteri itu telah memberi keterangan di mahkamah dan disoal balas telah diketahui umum, dan peguam tidak boleh menggunakan dokumen yang mengandungi tohmahan terhadap seseorang berhubung peguam negara kerana perkara itu tidak pernah berlaku.

Mahkamah juga tidak membenarkan kandungan surat berkenaan dibacakan oleh Anwar di mahkamah terbuka.

Anwar berkata beliau telah berjumpa Perdana Menteri untuk menyatakan bahawa tindakan Megat Junid sebagai timbalan menteri berpakat dengan peguam negara untuk mengurangkan pertuduhan terhadap Rafidah dan mempengaruhi hakim, adalah kesalahan besar yang akan menjejaskan imej dan kewibawaan Jabatan Peguam Negara serta badan kehakiman.

Pada sesi petang, Anwar memberitahu mahkamah bahawa apabila beliau berbincang dengan Dr Mahathir, Perdana Menteri tidak menunjukkan minat atau memandang berat mengenai perkara itu.

Anwar berkata beliau juga telah menimbulkan kemarahan pihak-pihak tertentu apabila membangkitkan isu mengenai perkara itu di satu forum lain iaitu di Persidangan Menteri Undang-undang Asia dan ketika menjawab soalan daripada pelajar di luar negeri di London.

Selepas itu, Anwar mengadu kepada Arifin bahawa beliau tidak dapat meneruskan keterangan kerana berasa sakit kepala.

Pada sesi pagi, sebelum Anwar meneruskan keterangannya Arifin bertanyakan mengenai tahap kesihatannya dan meminta bekas timbalan perdana menteri itu memberitahu mahkamah sekiranya beliau tidak sihat.

Arifin juga memaklumkan bahawa mahkamah diberitahu yang Anwar akan menjalani pemeriksaan perubatan di hospital petang esok.

Perbicaraan disambung esok.

-- BERNAMA
NHD SBB RON